



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### HEBAHAN PELAKSANAAN SEPENUHNYA SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (iSPKP) SECARA DALAM TALIAN AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD) BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah dimaklumkan Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) iaitu sistem pelesenan dalam talian yang merangkumi permohonan baharu, membaharui, ubahsyarat, membatalkan serta mencetak permit sudah mula beroperasi. Sistem iSPKP ini juga bakal digunakan sepenuhnya oleh APAD **bermula 24 November 2023** bagi menggantikan sistem manual yang lama. Sehubungan itu, APAD ingin memaklumkan kepada semua pemain industri dan pelanggan kami, tiada lagi urusan secara manual di kaunter **selepas 23 November 2023**.

Semua pemain industri dan pelanggan diminta untuk membuat pendaftaran secara dalam talian terlebih dahulu untuk membolehkan semua urusan seperti di atas dapat diakses dengan mudah. Pendigitalan perkhidmatan ini dilihat dapat mempercepatkan urusan serta mengurangkan keperluan rakyat untuk menguruskan ke kaunter. Semua permohonan pelesenan akan menggunakan Sistem iSPKP secara dalam talian sepenuhnya. Permohonan ini boleh dicapai melalui pautan <https://iportal.ispkp.gov.my/> atau laman web rasmi APAD <https://www.apad.gov.my/>



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGANSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD melalui program kesedaran Sistem iSPKP sejak tiga bulan yang lalu telah banyak melaksanakan program turun padang untuk mendekati golongan sasaran serta pemain industri bagi memastikan golongan ini mendapat pendedahan sewajarnya berkaitan Sistem iSPKP. Pengujian pilot Sistem iSPKP juga telah dilaksanakan sejak Julai 2023.

Sehubungan itu APAD berharap semua pemain industri dan pelanggan kami bersama-sama APAD dalam menjayakan **“SISTEM iSPKP : APAD KE ARAH PENDIGITALAN SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN”**

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi pertanyaan\_ispkip@apad.gov.my atau melalui panggilan telefon Pejabat Wilayah APAD di Semenanjung Malaysia : 03 – 2603 6700 (IP), 04-3325 210 (U), 09-6241 111 (T), 07-2188 488 (S). Manual pengguna dan FAQ juga telah disertakan dalam pautan <https://iportal.ispkip.gov.my/>

**-TAMAT-**

---

#### **Tentang APAD:**

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

#### **Pertanyaan Media**

##### **Agensi Pengangkutan Awam Darat**

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)  
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)  
E-mail [ukk@apad.gov.my](mailto:ukk@apad.gov.my)

**AGANSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)  
20 NOVEMBER 2023**

[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)